

---

## **PENUTUP**

---

BIMB telah beroperasi di Malaysia selama hampir 20 tahun. BIMB cawangan Banting pula hampir 8 tahun. Di antara dua bentuk pelaburan iaitu pelaburan hutang dan pelaburan ekuiti, tidak terdapat satu peningkatan secara keseluruhan yang memberangsangkan terhadap pelaburan ekuiti secara Islam iaitu *Mudārabah* dan *Musyārakah* samada di peringkat pusat maupun cawangan. Ini terbukti di BIMB cawangan Banting yang tiada langsung aktiviti pelaburan sedemikian. Keadaan ini telah terlalu sinonim sejak penubuhannya menyebabkan tiada usaha-usaha tegas untuk mengalihkan tumpuan bank, tambahan pula dengan operasinya yang juga bertindak sebagai bank perdagangan, mahu tidak mahu bank terpaksa juga menjaga pelaburan pemegang-pemegang sahamnya.

Walaupun keadaan ini pernah disuarakan oleh beberapa ahli ekonomi di Malaysia, bahawa kerugian dalam pelaburan *Mudārabah* dan *Musyārakah* boleh dielakkan, namun tiada satu jalan dan *usaha* konkrit yang dibuat oleh pihak bank untuk mempromosikan *Mudārabah* dan *Musyārakah* yang secara tekniknya lebih menguntungkan samada daripada segi ekonomi maupun sosial berbanding dengan pelaburan hutang seperti BBA yang menguntungkan daripada segi ekonomi sahaja. Keadaan ini berlaku mungkin kerana kurangnya kefahaman masyarakat menyebabkan mereka ragu-ragu untuk menyertainya. Sekiranya mereka faham, mungkin dengan adanya permintaan yang tinggi daripada pelanggan, bank akan memberikan perhatian yang lebih terhadap pelaburan ini. Dengan ini tidak dapat dinaffikan bahawa kerjasama daripada kedua-dua belah pihak amat diperlukan untuk menjayakannya.

Melihat kepada perangkaan bulanan Malaysia,<sup>1</sup> untuk tempoh sehingga Julai 2000, jumlah tanggungan bank perdagangan di Malaysia termasuk bank-bank Islam didapati jumlah deposit tetap adalah sebanyak RM215.7 juta berbanding dengan deposit tabungan yang hanya RM35.7 juta sahaja. Deposit tabungan hanya menyumbang sebanyak 7.2 % daripada keseluruhan tanggungan bank perdagangan. Untuk tempoh yang sama tahun 2001 pula, deposit tetap meningkat sebanyak RM7,174.7 juta (3.3 %) kepada RM223 juta berbanding dengan deposit tabungan yang hanya bertambah sebanyak RM3,409 walaupun dengan kadar pertumbuhan yang meningkat sebanyak 9.6 %. Tambahan pula dengan pertumbuhan ekonomi sekadar 0.5 % untuk suku tahunan kedua 2001, berbanding dengan 8.0 % pada tahun 2000<sup>2</sup> menyebabkan bank lebih berhati-hati untuk melibatkan diri di dalam aktiviti sedemikian. Permintaan untuk menyimpan terutama untuk deposit tabungan mungkin akan berkurangan kerana sikap berhati-hati orang ramai yang tidak mahu pelaburan mereka mengalami kerugian dan akibatnya pelaburan adalah tertumpu kepada simpanan tetap.

Ditambah dengan pertumbuhan yang perlahan, dasar kerajaan akan menggalakkan perbelanjaan untuk meningkatkan pertumbuhan negara. Oleh itu, penulis berpendapat untuk tempoh 5 tahun akan datang, pelaburan berbentuk perkongsian untung dan rugi ini akan mengalami pertumbuhan yang perlahan. Ini berikutan daripada suasana ekonomi dan bentuk perkongsian itu sendiri, akan menyebabkan tidak banyak bank dan pelanggan yang mahu melakukannya kerana kemungkinan untuk rugi adalah besar walaupun kerugian itu ditanggung secara bersama. Oleh itu, bank kini lebih suka membiayai projek-projek yang terjamin

---

<sup>1</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, *Siaran Perangkaan Bulanan Malaysia*, September 2001.

<sup>2</sup> \_\_\_\_\_, *Malaysia Sepintas Lalu*, Ogos 2001.

keuntungannya walaupun kurang berkesan di dalam menjana ekonomi kepada masyarakat.

Laporan Tahunan BNM tahun 1997 menyatakan bahawa 90 % pembiayaan secara Islam adalah dilaksanakan secara berkadar tetap melalui BBA dan *Murābahah*. Perbankan Islam pada dasarnya tidak dapat bertindak pantas dalam persekitaran kadar faedah tinggi kerana ketiadaan mekanisma kadar terapung. Maka untuk menutup kekurangan ini, perbankan Islam mendapatkan pelaburan daripada pelaburan *Mudārabah* daripada pasaran wang secara Islam. Bank-bank Konvensional pula berupaya meningkatkan kadar faedah bagi mencerminkan kos dana yang semakin meningkat.

Manakala mengikut seorang penulis tentang perbankan Islam, terdapat beberapa sebab bank memberikan tumpuan kepada produk berkadar tetap berbanding dengan PLS. Di antaranya ialah pelanggan itu sendiri berminat dan memilih kepada pembiayaan berkenaan. Keduanya, kesukaran untuk melaksanakan pembiayaan sedemikian di bank-bank perdagangan.<sup>3</sup>

Pada hakikatnya perbankan Islam dilihat sebagai sebahagian daripada pemodenan Malaysia ke arah Wawasan 2020. Dengan tujuan awal penubuhannya untuk mengumpulkan modal orang Islam tanpa terlibat dengan riba, maka mungkin pada awal penubuhannya bank tidak menyenaraikan PLS instrumen yang produktif dan boleh berkembang maju menyebabkan sehingga kini instrumen ini tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.

---

<sup>3</sup> Islamic Banking is'nt Islamic, <http://www.Islamic-finance.com/indexnew.html>, 21 Disember 2001.

Prospek masa depan adalah tidak menggalakkan untuk PLS. Ini kerana PLS memerlukan kepada analisis yang kritikal, pengawasan dalam pengurusan yang mengambil masa untuk berkembang menyebabkan ia tidak digemari. Walaupun begitu, dengan penubuhan BMMB adalah diharapkan agar dapat memberikan persaingan supaya BIMB menjadi lebih efisen dan inovatif. Dan PLS mungkin boleh dijadikan sebagai satu intrumen yang boleh memberikan persaingan. Ini sekaligus akan memberikan bank merasa tanggungjawab sosial yang tidak hanya menyandarkan keupayaanya sebagai pencipta keuntungan kepada pelanggan tetapi juga pada masa yang sama meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat.

Mengikut Laporan Ekonomi 2001-2002, kerajaan telah menyediakan beberapa saranan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perbankan Islam melalui Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK). Perbankan Islam di dalam PISK dibuat dalam 3 fasa. Di antara fasa berkenaan adalah menyediakan satu landasan kukuh dan berdaya saing supaya perbankan Islam dapat berkembang maju. Penulis berpendapat di antara satu cara yang boleh dilakukan untuk memajukan perbankan Islam adalah dengan memajukan PLS.

Perbankan Islam pada dasarnya telah bergerak maju kerana perlaksanaannya yang berasaskan nilai (*value-oriented*) yang menarik minat pelanggan Islam dan bukan Islam. Pada masa ini terdapat 250 institusi kewangan Islam yang beroperasi di seluruh dunia.<sup>4</sup> Pada dasarnya dengan anggaran pertambahan deposit kepada RM80 bilion pada tahun 2010 dan RM15 bilion pada suku tahunan pertama tahun 2002, pembiayaan diharapkan akan lebih tertumpu

kepada projek-projek yang berdasarkan PLS.<sup>5</sup> Tambahan pula dengan cabaran yang akan dihadapi oleh perbankan Islam pada masa depan yang lebih tertumpu kepada globalisasi dan liberalisasi ekonomi, ia memberikan saingan sengit untuk bank Islam membangunkan produk-produknya. Walaupun terdapat saranan untuk mengatasi masalah ini seperti meningkatkan kapasiti keinstitusian, penulis berpendapat ia tidak berupaya menjana ekonomi masyarakat pada dasarnya, kerana ia hanya berbentuk pengembangan secara fizikal. Walauapapun, yang penting adalah adanya usaha untuk memajukan produk berkenaan dengan kerjasama daripada semua pihak samada secara langsung atau tidak.

---

<sup>4</sup> Islamic Banking, <http://www.islamic-banking.com/ibanking/statusib.php>, 21 Disember 2001.

<sup>5</sup>BIMB's Launched "Saving Campaign" to Boost Deposit, [http://www.islamic-banking.com/news/malaysia/bimb\\_launch\\_1101.php](http://www.islamic-banking.com/news/malaysia/bimb_launch_1101.php), 27 Disember 2001.